# MSAN diseru segera tangani Super El Nino
MS 4



# SUKMA XVIII, PP sasar 30 emas
MS 21



PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

# buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com

1 – 15 MEI, 2016

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# ASINGKAN SISA ANDA

**Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Mulai 1 Jun 2016**

**ASINGKAN SEKURANG-KURANGNYA KEPADA DUA ALIRAN:**



## 1. SISA KITAR SEMULA

**KERTAS**
CONTOH:
surat khabar / kotak / majalah / kadbod / buku

**PLASTIK**
CONTOH:
botol plastik / bekas plastik / beg plastik / bekas makanan plastik / baldi plastik

**KACA**
CONTOH:
botol kicap / botol minuman

**TIN ALUMINIUM /BESI/LOGAM**
CONTOH:
tin aluminium / tin makanan / besi / logam



## 2. SISA BAKI (SAMPAH)

**SISA MAKANAN**
CONTOH:
kulit buah-buahan / sayur-sayuran / kulit telur / nasi






**SISA KOTOR**
CONTOH:
lampin pakai buang / tisu kotor / bahan-bahan kotor / kotak / kertas tercemar

## INFO

- SILA IKAT SURAT KHABAR LAMA dengan kemas.
- BERSIH DAN KERINGKAN bekas minuman, bekas plastik, bekas kaca, atau tin aluminium yang mengandungi sisa.
- Pembungkus makanan atau minuman yang mengandungi LOGO ♻ dapat dikitar semula.
- Anda juga boleh menghantar barangan elektrik yang telah rosak ke pusat kitar semula yang MENGUMPUL SISA ELEKTRONIK.

HOTLINE: MBPP : 04-263 7637 / MPSP : 04-549 7555 / Penang Green Council : 04-250 3322

*Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.pgc.com.my/dasar-pengasingan-sisa-di-punca*

# Generasi muda aset terpenting, harap kembali berbakti kepada negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Seramai 26 pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 4.0 dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun 2015 diraikan pada Majlis Anugerah Cemerlang STPM 2015 di sini baru-baru ini.

Diraikan bersama, tiga pelajar 'istimewa' yang turut menerima sijil pengiktirafan, trofi dan saguhati masing-masing berupa wang tunai RM800 yang disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Dalam ucaptama, Guan Eng berkata, pengiktirafan yang diberikan adalah sebagai pemangkin kepada para pelajar berkaitan untuk terus mencapai kecemerlangan dan juga sebagai menghargai hasil titik peluh masing-masing ketika di bangku sekolah.

Beliau memberitahu, tahun ini, Kerajaan Negeri berbesar hati untuk memberi tambahan insentif sebanyak RM200 (berbanding sebelum ini RM600) bagi setiap pelajar cemerlang sebagai galakan kepada calon-calon lain yang bakal menduduki peperiksaan sama hujung tahun ini.

"Kerajaan Negeri sedar bahawa generasi muda kini adalah aset terpenting masa depan negara, justeru, semua pihak disarankan untuk menggembleng usaha dan tenaga bagi mempersiapkan mereka (generasi muda) dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran bagi meneruskan kesinambungan kemajuan yang dikecapi Pulau Pinang kini.

"(Dan) pastinya, kita (Kerajaan Negeri) mengharapkan anda semua kembali ke Pulau Pinang dan mencurah bakti memandangkan negeri ini merupakan tempat terbaik memulakan kerjaya serta fasa baru dalam kehidupan anda," ujarnya pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai dan ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan hadir sama dalam majlis berkaitan.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan Andrea Pui Jia Hui (barisan pertama, tiga dari kanan), Felicia Pui Jia Yin (barisan pertama, dua dari kanan) dan para pelajar lain pada Majlis Anugerah Cemerlang STPM 2015 di sini baru-baru ini.

Pelajar-pelajar berkaitan merupakan sebahagian daripada 2,532 pelajar yang menduduki peperiksaan STPM di Pulau Pinang tahun lalu.

Dalam pada itu, rata-rata penerima yang ditemui melahirkan rasa syukur dan gembira dengan penghargaan oleh Kerajaan Negeri.

Bagi **Nor Hafiza Halim, 20,** dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tinggi Bukit Mertajam yang menerima dua anugerah iaitu Pelajar Cemerlang dan Pelajar Terbaik Melayu tidak menyangka akan memperoleh PNGK 4.0 dalam STPM tahun lalu.

"Tiada 'resipi' istimewa, cuma perlu kerap berbincang dengan rakan-rakan dan guru-guru di samping mengamalkan konsep pembelajaran secara bijak," katanya yang berhasrat menyambung pelajaran dalam bidang psikologi di salah sebuah universiti tempatan kepada Buletin Mutiara sejurus majlis berkenaan di sini.

Hafiza yang merupakan anak sulung daripada tujuh beradik hadir bersama ibu, Norsharmila Md. Ali, 39, dan bapanya, Halim Hamid, 55.

"Saya cuma berharap kejayaan saya hari ini dapat menjadi contoh kepada adik-adik, walaupun serba kekurangan, berbekalkan semangat untuk berjaya, inshaAllah pasti berjaya," katanya yang merupakan pelajar Melayu tunggal menduduki peperiksaan STPM di sekolahnya.

Kegembiraan sama turut dikongsi oleh dua adik-beradik yang cacat penglihatan sejak dilahirkan, **Felicia Pui Jia Yin, 21,** dan **Andrea Pui Jia Hui, 20,** apabila dinobatkan sebagai Pelajar Terbaik Khas bagi Kategori Orang Kurang Upaya (OKU).

Sebagai rekod, kedua-dua mereka juga merupakan pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2014 dengan masing-masing keputusan 7A+ dan 8A+.

Bagi **R. Vesallinni** dan **K. Naviinia** masing-masing berusia 20 tahun dari SMK Dato' Onn Butterworth, mereka akan kembali ke Pulau Pinang untuk berkhidmat setelah tamat pengajian kelak.

Nada sama turut dikongsi **R. Shaaleni, 20,** dari SMK Penang Free yang bercita-cita menjadi peguam suatu hari nanti.

Turut berkongsi pengalaman, penerima Anugerah Pelajar Terbaik Cina, **Tan Hock Kun, 21,** dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin Bukit Mertajam menyatakan bahawa beliau membuat pilihan tepat apabila mengambil keputusan untuk berhenti pengajian di kolej swasta selepas SPM untuk menduduki STPM.

Sehubungan itu, tiga sekolah diumumkan sebagai Sekolah Terbaik STPM 2015 iaitu SMJK Chung Hwa Confusion George Town, SMJK Perempuan Cina dan SMJK Jit Sin Bukit Mertajam.



NOR Hafiza Halim (tengah) bersama-sama ibu dan bapanya berkongsi kegembiraan apabila menerima dua anugerah kecemerlangan.

## KN senantiasa pastikan kebebasan beragama terjamin – KM

**AIR ITAM –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyerahkan sumbangan kewangan berjumlah RM3,000 kepada pentadbir Kuil Arulmigu Sri Ruthra Veeramuthu Mariamman Devasthanam di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam menyampaikan sumbangan itu semasa berlangsungnya perayaan meranduk api di kuil berkaitan.

Katanya, sumbangan tersebut disampaikan saban tahun, sejak 2009.

"Kerajaan Negeri senantiasa memastikan kebebasan beragama di negeri ini terjamin.

"Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan membataskan mana-mana agama pun untuk mengadakan upacaranya sepertimana yang dijelaskan dan termaktub dalam hak kebebasan beragama," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan pada majlis berkaitan.

Justeru, Guan Eng berharap sumbangan tersebut dapat dimanfaatkan untuk hal ehwal pengurusan kuil itu.

Beliau diringi Wong Hon Wai (ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) meluangkan masa meramahi pengunjung kuil itu, selepas selesai majlis penyerahan sumbangan tahunan berkenaan.



WONG Hon Wai (tengah) bergambar kenangan dengan para penganut agama Hindu pada perayaan meranduk api di Kuil Arulmigu Sri Ruthra Veeramuthu Mariamman Devasthanam di sini baru-baru ini.

# KM gesa usahawan berdaya saing, inovatif depani ekonomi mencabar

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**TANJUNG BUNGA –** Usahawan yang mempunyai semangat berdaya saing serta ciri-ciri inovatif sahaja mampu mengharungi 'iklim' ekonomi negara yang kian mencabar belakangan ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Jamuan Malam 50 Usahawan Terbaik Malaysia, anjuran Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM) baru-baru ini.

"Kita (Malaysia) menghadapi cabaran ekonomi yang banyak kerana kurang kejujuran, kecekapan, inovasi dan keusahawanan di negara kita.

"(Ditambah dengan) ekonomi (negara) kita semakin merosot akibat pelaksanaan GST (Cukai Barangan & Perkhidmatan), susut nilai Ringgit (Malaysia, RM) serta skandal kewangan seperti RM42 bilion 1MDB (1Malaysia Development Berhad).

"Usahawan adalah pemacu ekonomi...desakan mereka lah yang melahirkan teknologi baharu (sungguhpun) banyak masa yang mereka tempuhi adalah risiko tanpa sebarang kepastian untuk mendapat pulangan ganjaran," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, bekas perdana menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.

Guan Eng memberitahu, amalan daya saing, integriti serta inovasi dalam menguruskan Kerajaan Negeri menyumbang pada peningkatan pelaburan ke negeri ini dalam tempoh tahun 2008 hingga 2015 berjumlah kira-kira RM55 bilion.

"Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 90 peratus berbanding sebelumnya, dalam tempoh lapan tahun sejak 2000 hingga 2007, iaitu berjumlah RM 29 bilion sahaja," jelasnya.

Bukan setakat itu sahaja, beliau memberitahu, tunggakan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat pada tahun 2015 serendah RM1.5 juta, manakala hutang terkumpul pula sejumlah RM69.36 juta, adalah dua rekod paling rendah berbanding negeri-negeri lain.

Dalam pada itu, Guan Eng memuji tiga syarikat dari Pulau Pinang yang tersenarai sebagai penerima anugerah pada majlis itu.

Mereka, syarikat EE-Lian Enterprise (M) Sdn. Bhd. dan Ideal Property Development Sdn. Bhd. masing-masing diberi Anugerah Diamond, manakala Ewein Zenith Sdn. Bhd. (Anugerah Platinum).

Mahathir semasa menyampaikan ucaptama memberitahu, keberanian para usahawan terdahulu dan kini dalam mengambil risiko sebenarnya terus menyumbang pada perkembangan ekonomi negara.

"Kita berasa gembira melihat orang-orang yang telah melakukan sesuatu yang baik pada hari ini dan kita berharap akan dapat melihat lebih banyak usahawan mencipta kekayaan untuk melonjakkan Malaysia menjadi negara maju," ucapnya.



**KETUA Menteri dan Dr. Mahathir Mohamad (barisan depan, dua dari kiri) diiringi para tetamu kehormat lain pada Majlis Jamuan Malam 50 Usahawan Terbaik Malaysia di sini baru-baru ini.**

*Top 50 Enterprise Awards Malaysia* merupakan antara anugerah perniagaan paling berprestij di negara ini.

Ia direka bagi mengiktiraf perniagaan yang berjaya, para usahawan atas kejayaan perniagaan dan pencapaian mereka di dalam negara serta menjadi contoh kepada syarikat-syarikat lain yang sedang meningkat naik.

Anugerah ini dibahagikan kepada lima kategori iaitu Anugerah Kehormat (lapan pemenang), Anugerah Diamond (6), Anugerah Platinum (11), Anugerah Emas (25) dan Anugerah Hijau (3).

## Pemohon rumah negeri mesti sertakan penyata CCRIS - Exco

**GEORGE TOWN –** Mereka yang memohon rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik melalui Kerajaan Negeri mesti mengemukakan bersama penyata Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS).

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, langkah itu demi mengurangkan lagi kadar penolakan permohonan pinjaman perumahan oleh pihak bank.

“Kebanyakan kes ditolak adalah berkaitan CCRIS.

"Perumahan turut akan menasihatkan pemohon untuk mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) berkaitan nasihat pengurusan kewangan.

“Hasil mesyuarat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC), kita (Kerajaan Negeri) bersetuju untuk syarat mengemukakan penyata CCRIS bagi memudahkan (Bahagian) Perumahan (Negeri) membuat semakan sebelum membenarkan pemohon membuat permohonan bank,” ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu merangkap Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun.

Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memberitahu, penyata yang diperlukan Bank Negara Malaysia (BNM) itu perlu disertakan bersama-sama borang permohonan perumahan (PN1) untuk membuat saringan awal kelayakan pemohon.

Jelas beliau, mengikut statistik, sebanyak 12,515 daripada 27,435 permohonan pinjaman perumahan (di Pulau Pinang) ditolak oleh pihak bank dalam tempoh tahun 2013 hingga 2015.

## Pusat patut sedia rumah mampu dimiliki & selesa didiami rakyat - Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mahu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengekalkan harga rumah mampu Jenis A dan Jenis B, masing-masing pada harga RM42,000 dan RM72,500.

Saranan tersebut dibuat ekoran terdapat cadangan Kerajaan Persekutuan untuk menyemak semula harga rumah bagi kedua-dua skim tersebut pada mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan (JKPKM), Majlis Perumahan Negera (MPN), 18 Januari lalu di Kuala Lumpur.

“Dalam mesyuarat tersebut, saya telah membantah cadangan semakan semula harga rumah mampu milik memandangkan cadangan tersebut akan menaikkan harga rumah dari RM42,000 dan RM72,500 ke RM65,000 dan RM100,000 masing-masing.

“Tambahan pula, harga semasa bagi kedua-dua skim itu adalah berpatutan kerana masih ramai lagi mereka yang berpendapatan rendah memerlukan rumah pada harga tersebut,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Persekutuan seharusnya tidak memikirkan keuntungan semata-mata sebaliknya perlu menyediakan rumah yang bukan sahaja mampu dimiliki, malah selesa untuk didiami rakyat.



**JAGDEEP Singh Deo.**

“Oleh itu, mereka (Kerajaan Persekutuan) harus mengekalkan harga rumah tersebut, sungguhpun terdapat negeri-negeri seperti Sabah, Sarawak, Perak dan Negeri Sembilan yang bersetuju dengan semakan semula ini.

“Di Pulau Pinang, kita (Kerajaan Negeri) akan cuba mengekalkan harga tersebut dan turut menyarankan pihak pemaju swasta di negeri ini supaya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menawarkan rumah pada harga semasa,” ujarnya yang turut menghadiri mesyuarat susulan di Kota Kinabalu, Sabah 4 April lalu.

Dalam perkembangan sama, tambah Jagdeep, beliau juga telah memaklumkan melalui mesyuarat JKPKM bahawa Kerajaan Negeri mengambil tindakan menjenamakan semula skim-skim perumahan mampu milik di negeri ini dengan tidak menggunakan istilah 'rendah' lagi yang memberi konotasi negatif dan menjadi stigma kepada pembeli rumah.

Sebaliknya, menamakan mengikut jenis dan harga rumah yang ditawarkan.

*Pada Februari lalu, Kerajaan Negeri menjenamakan semula semua skim-skim perumahan di Pulau Pinang iaitu rumah kos rendah yang dikenali kini sebagai rumah mampu milik Jenis A dan rumah kos sederhana rendah sebagai rumah mampu milik Jenis B masing-masing berharga RM42,000 dan RM72,500.*

*Manakala, rumah mampu milik berharga RM150,000 dikenali sebagai rumah mampu milik Jenis C, Jenis D (RM200,000) dan Jenis E (RM300,000).*

# KM utus surat gesa Pengerusi MSAN segera tangani 'Super El Nino' babit 4 negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi digesa campur tangan dalam isu kekurangan air mentah yang akan menjejas kira-kira empat juta penduduk utara Semenanjung Malaysia, susulan fenomena 'Super El Nino ' sehingga bulan Jun depan.

Gesaan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng itu disampaikan dalam satu surat rasmi bertarikh 21 April lalu kepada Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis Sumber Air Negara (MSAN).

"Simpanan (air mentah) di Empangan Muda dan Empangan Beris (dekat Kedah) hanya boleh bertahan sehingga minggu ketiga bulan Mei 2016.

"Dalam pada itu, Jabatan Meteorologi telah menyatakan bahawa fenomena 'Super El Nino' akan berterusan sehingga Jun 2016.

"Simpanan empangan kami (di Pulau Pinang) hanya akan 'pulih' jika terdapat hujan yang mencukupi," katanya yang juga Pengerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Dalam surat itu, Guan Eng menggesa semua aktiviti pengairan ditangguhkan terutama di selatan Kedah sehinggalah hujan lebat tiba.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan turut menggesa MSAN supaya mempergiatkan operasi pembenihan awan di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan utara Perak.

Dalam perkembangan berasingan, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin turut meninjau keadaan sistem pengairan di Pulau Pinang memandangkan krisis kemarau 'Super El Nino' tersebut berlarutan sejak awal tahun ini.

Afif yang juga ADUN Seberang Jaya memberitahu, paras bekalan air mentah di negeri ini dalam keadaan 'baik' susulan berlaku hujan baru-baru ini.

Ekoran itu, tambahnya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri mulai membekalkan air secara berperingkat ke beberapa kawasan pertanian, meliputi kelima-lima daerah di Pulau Pinang.

"Cuma, kita tidak ada kepastian sama ada pada beberapa minggu akan datang, bekalan air mentah itu mencukupi atau tidak.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) mulakan perbincangan dengan para petani kerana buat masa sekarang, kita tidak dibenarkan melakukan pengairan," ujarnya selepas mempengerusikan mesyuarat berkaitan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dekat Tapak Ekspo Seberang Jaya baru-baru ini.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa ada mengemukakan empat langkah mendepani krisis air di keempat-empat negeri.

Syor itu, katanya, sebagai respons kepada kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah yang dilaporkan menyatakan bahawa Pulau Pinang harus bertanya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Kedah untuk syor melepaskan lebih banyak air 'melalui saluran yang betul' dan bukannya melalui kenyataan akhbar.



**IR. Jaseni Maidinsa (tengah) mengiringi Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng meninjau keadaan Empangan Air Itam sempena sambutan Hari Air Sedunia baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu, pentadbiran Kedah seakan mempunyai anggapan yang salah mengenai syor PBN Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan berhubung isu berbangkit ini.

"Pulau Pinang tidak meminta Kedah melepaskan lebih banyak air (mentah), kami meminta Kedah melepaskan kurang air.

"Sebab itu, kita meminta penangguhan aktiviti pengairan (kerana) tanpa aktiviti pengairan, Empangan Muda dan Empangan Beris di Kedah boleh melepaskan kurang air ke Sungai Muda seperti biasa, hanya untuk memenuhi bekalan air yang diperlukan oleh penduduk di Kedah serta Pulau Pinang.

"Dengan langkah ini, kita boleh memanjangkan tempoh rizab bekalan air mentah di Empangan Muda dan Empangan Beris untuk bertahan lebih lama ekoran 'Super El Nino' ini," ujar beliau.

## Kesal sikap Kementerian elak skandal Tanjung City Marina & kerja pemulihannya - KM

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri kesal dengan sikap tidak profesional pihak Kementerian Pengangkutan yang cuba mengelak daripada bertanggungjawab ke atas skandal RM43 juta Tanjung City Marina dan kerja pemulihannya dengan menyalahkan pihak berkaitan (Kerajaan Negeri).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, alasannya adalah masalah hak milik tanah dengan Kerajaan Negeri belum diselesaikan sungguhpun tapak Tanjung City Marina dimiliki sepenuhnya oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan bukannya Kerajaan Negeri.

"Tanjung City Marina telah tenggelam sepenuhnya di laut pada 2012 bersama-sama dengan perbelanjaan RM43 juta juga hilang kerana perancangan yang cacat dan ketidaksediaan untuk membina "*wave breaker*" seperti dicadangkan.

"Pihak SPPP dan Kementerian Pengangkutan telah berjanji untuk memulih dan membina semula Tanjung City Marina, tetapi sehingga hari ini, semuanya tinggal janji kosong.

"Kerajaan Negeri agak terkejut bahawa isu hak milik tanah Swettenham Pier Cruise Terminal kini digunakan sebagai alasan sungguhpun ia tidak menjadi masalah apabila Tanjung City Marina dibina buat kali pertama pada 2005," katanya dalam kenyataannya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri enggan menjual tanah di Swettenham Pier Cruise Terminal kepada SPPP kerana tidak berpuas hati dengan pengurusannya dan ingin memegang hak milik tanah untuk tapak itu. SPPP telah mencabar keengganan Kerajaan Negeri memindah milik tanah di Mahkamah Tinggi, tetapi telah kalah dan tidak meneruskan sebarang rayuan.

"Lagipun tapak Tanjung City Marina adalah milikan penuh SPPP yang tidak pernah dipertikaikan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri tidak akan memberikan sebarang halangan kepada sebarang kerja pemulihan atau pembinaan semula.

"Sekiranya pihak Kementerian hendak mencari alasan baru tidak membina semula Tanjung City Marina, iaitu satu pembangunan bersepadu menyeluruh mesti dibuat terlebih dahulu merangkumi Tanjung City Marina, soalan ialah mengapa tender terbuka yang dipanggil oleh bekas Pengerusi SPPP, Tan Sri Dr. Chua Soi Lek mengenai rancangan serupa ini tidak disempurnakan.

"Jelas sekali, SPPP "pukul mulut sendiri" dan cuba menegakkan benang yang basah dengan menyalahkan Kerajaan Negeri dalam isu hak milik tanah di Swettenham Pier Cruise Terminal sebagai alasan mengapa Tanjung City Marina tidak dibina semula," ujar yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Menurut Guan Eng, jawapan bertulis Parlimen oleh Menteri Pengangkutaan, Datuk Seri Liow Tiong Lai kepadanya adalah seperti berikut:

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : GI JAWAB BUKAN LISAN**
**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
**SOALAN : 185**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil siasatan dan tindakan terhadap pihak yang terlibat dalam skandal RM43 juta Tanjung City Marina. Apakah status tender terbuka yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk membangunkan kawasan Waterfront Swettenham Pier ataupun rancangan membina semula Tanjung City Marina yang tenggelam ke dalam laut.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Tanjung City Marina telah berjalan dan beroperasi dengan lancar sejak tahun 2005. Walau bagaimanapun berlaku kerosakan pada sebahagian struktur cerucuk dan beberapan pontoon berikutan keadaan rebut yang luar biasa pada tahun 2007 dan 2012.

Pada awal 2013, pontoon-pontoon ini telah dibuka dan didaratkan bagi memastikan struktur yang rosak tersebut tidak hanyut dan membahayakan pelayaran kapal-kapal lain. Memandangkan kerosakan di Tanjung City Marina adalah disebabkan oleh keadaan ribut yang luar biasa, maka persoalan terhadap tindakan kepada kontraktor yang terlibat tidak timbul.

Sememangnya terdapat perancangan bagi membangunkan semula kawasan sekitar Swettenham Pier Cruise Terminal yang merangkumi Tanjung City Marina dan gudang-gudang lama dalam satu pembangunan yang menyeluruh. Walau bagaimanapun, terdapat isu hakmilik tanah di Swettenham Pier Cruise Terminal yang masih belum diselesaikan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Sehubungan itu, rancangan pembangunan bersepadu tersebut ditangguhkan dahulu sehingga isu hak milik tanah berkenaan diselesaikan.

# GTF 2016, jadikan kesenian sebagai penggerak ekonomi negeri

**GEORGE TOWN –** Tahun ketujuh penganjuran Festival George Town 2016 (GTF 2016) kembali lagi mulai 29 Julai hingga 28 Ogos ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pihaknya berharap lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang sekaligus memberi impak yang lebih besar kepada ekonomi komuniti di negeri ini.

"Lihat bagaimana unsur warisan yang terdapat di George Town Bandar Warisan Dunia UNESCO dijadikan sebagai salah satu penggerak ekonomi negeri.

"Ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri dengan menjadikan kesenian sebagai satu lagi penggerak ekonomi, bukan hanya seni, bahkan pameran kebudayaan.

"Festival George Town (GTF) ini bukan sahaja akan membawa lebih banyak pendapatan ke Pulau Pinang, pada masa sama, menggunakan kesenian untuk menarik lebih ramai lagi pelancong ke negeri ini," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berharap pengamal media turut membantu mempromosi acara-acara kesenian sepanjang berlangsungnya GTF 2016 tersebut.

Pada majlis sama, beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua penaja, antaranya *Penang Global Trorism* (PGT), *Eastern & Oriental Hotel, Singapore Airlines, China House* dan banyak lagi.

Dalam pada itu Pengerusi Festival, Jeo Sidek memberitahu, acara perasmian pembukaan adalah '*Svara Bhumi' (Song of the Earth)*, serentak dengan pameran '*A+SEAN*', iaitu paparan awam yang mempamerkan bakat besar dari negara-negara Asia Tenggara dan Australia.

Paparan awam menarik antaranya daripada pengukir kesenian kinetik dari Belanda, Theo Jansen '*Strandbeest*', '*Snuff Puppets*' dari Australia, serta konsep yang menampilkan pelbagai kumpulan muzik tempatan serta Asia Tenggara.

Tambah beliau, pengunjung GTF 2016 turut berpeluang merasai persembahan pentas menarik seperti '*Pearl of the Eastern & Oriental*', '*2 Houses*' arahan bersama Lim Yu-Beng dan Tan Kheng Hua, tarian '*Moved by Padi*' diteraju oleh koreografer tempatan terkenal Aida Redza, '*Kaash*' diterajui penari terkenal dunia Akram Khan, aksi sarkas '*Gandini Juggling*' dan banyak lagi.



MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kanan) ditemani Francis Wong (kanan sekali) dan Leong Yook Kheong (empat dari kanan) beramah-mesra dengan pengunjung yang hadir pada penganjuran Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka 2016 di sini baru-baru ini.

# Graduan disaran lengkapkan diri untuk pasaran kerja

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU UBAN –** Para graduan disaran melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sahsiah kendiri bagi memenuhi keperluan pasaran kerja kini.

Saranan tersebut disuarakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon ketika merasmikan Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka 2016 di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat berkata, para graduan termasuk penganggur perlu mempunyai nilai tambah kendiri yang boleh meningkatkan daya saing dalam memenuhi permintaan majikan masa kini.

*"Setiap tahun, terdapat lebih 200,000 graduan tamat pengajian dengan satu daripada empat graduan terpaksa 'berjuang' untuk mendapatkan pekerjaan yang sama.*

*"Mereka (graduan) seharusnya lebih proaktif dalam usaha memasuki pasaran kerja lebih baik dan bersesuaian kerana masa kini, status sebagai seorang 'graduan universiti' bukanlah tiket jaminan pekerjaan,"* ujarnya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), A. Kumaresan, Pengarah PenExpo Events Sdn. Bhd., Francis Wong dan wakil Persatuan Pengusaha Kecil dan Sederhana Seberang Perai , Leong Yook Kheong.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berharap dengan penganjuran karnival seumpama itu akan mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan masyarakat terutama lepasan universiti.

Sebagai rekod, sejumlah 300,000 hingga 400,000 orang tidak mempunyai pekerjaan atau menganggur, manakala 35.5 peratus daripadanya merupakan pemegang ijazah lepasan universiti.

Karnival Kerjaya dan Temuduga Terbuka 2016 menawarkan lebih 800 kekosongan jawatan dalam pelbagai lapangan di 11 syarikat swasta terkemuka di Pulau Pinang.

# Contohi perjuangan penjaja Melayu Uptown Bandar Perda – Rashid

**SEBERANG JAYA –** Usahawan Melayu perlu mencontohi perjuangan 75 penjaja kecil berlesen yang berjuang lebih sedekad bagi menjalankan aktiviti peniagaan di tapak terbuka Uptown Bandar Perda di sini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata demikian semasa merasmikan Majlis Perasmian Penutup Karnival Usahawan Melayu Pulau Pinang 2016, yang buat julung kalinya dianjurkan di sini, pada 8 hingga 10 April lalu.

"Sebenarnya kita (Kerajaan Negeri) memilih tapak Uptown Perda kerana kejayaan mereka bertapak di sini sejak sedekad atau lebih 10 tahun lalu.

"Modelnya adalah peniaga-peniaga kecil dapat bersatu dan Kerajaan Negeri mahu memupuk budaya keusahawanan melalui peniaga-peniaga kecil ini," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

Sebelum itu, Pengerusi Penganjur Karnival, Nasoruddin Shah Mat dalam ucapannya berharap, karnival seumpama itu dapat dianjurkan di sini tiap-tiap tahun, serta di beberapa "Uptown" lain di negeri ini.

"Ini, secara tidak langsung dapat menangkis segala tohmahan yang ditujukan ke atas Kerajaan Negeri, terumanya mengenai isu penganiayaan dan penindasan terhadap peniaga-peniaga kecil serta usahawan Melayu," jelasnya yang juga Pengerusi Koperasi Pasar Aneka Taman Selat Butterworth Berhad (KPATSBB).

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man, Setiausaha Politik kepada Timbalan Ketua Menteri I, Amir Ghazali, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Zulkifli Ibrahim, Pengerusi Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Pulau Pinang, Malik Faisal Abdul Rahim, Penaung KPATSBB, Zolkifly Md. Lazim serta Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan & Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat Permatang Batu, Azhar Mat.

Karnival berkenaan terdiri oleh 71 khemah pameran, disertai lebih 160 penjaja Melayu serta menerima hampir 20,000 pengunjung.

Pada majlis sama, Mohd. Rashid yang juga ADUN Pantai Jerejak menyampaikan sijil pengiktirafan kepada lapan tokoh usahawan Melayu atas kejayaan mereka dalam pelbagai bidang perniagaan.

Mereka, Mohd. Aszuhairul Faizee Zulkiflee diberi anugerah sebagai Tokoh Usahawan Melayu Kategori Peniaga Kecil Berjaya, Zolkifly Md. Lazim (Kategori Perubatan), Mohd. Rodzi Abu Bakar (Kategori Kedai Makan), Hamzah Mat Aris (Kategori Kosmetik), Asiah Baharom (Kategori Cookies), Muhammad Firdaus Zolkifli (Kategori Bengkel Kenderaan), Suhaidi Saad (Kategori OKU) dan Khaitrul Ediana Mohd Tahir (Kategori Usahawan Kesihatan).

# AES: RM17.7 juta kepada 1,244 keluarga miskin sejak Mac 2009

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Sejak diperkenalkan pada 2009, program Agenda Ekonomi Saksama (AES) telah memanfaatkan 1,244 keluarga miskin di seluruh Pulau Pinang.

Menurut Pegawai Khas Ketua Menteri untuk Agenda Ekonomi Saksama (AES), Ab. Wahab Long, sejak Mac 2009 sehingga Mac 2016, Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM17.7 juta untuk '*top up*' atau tambah nilai perbezaan pendapatan isi rumah setiap bulan sehingga genap RM790.

“Sekiranya pendapatan bulanan isi rumah kurang daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan, mereka layak menerima bantuan kewangan antara RM100 sehingga RM790 mengikut syarat-syarat tertentu.

“Misalnya, sebuah keluarga memperoleh pendapatan isi rumah RM550 sebulan, maka Kerajaan Negeri akan '*top up*' RM240 setiap bulan,” katanya dalam satu kenyataan bertarikh 26 April lalu di sini.

> Dari tempoh Mac 2009 - Mac 2016, KN telah membelanjakan RM17,707,999 untuk pelaksanaan program AES.

Ab. Wahab memberitahu, berdasarkan pecahan penerima pula, Seberang Perai Utara (SPU) mencatatkan 642 penerima diikuti Seberang Perai Tengah, SPT (191), Seberang Perai Selatan, SPS (150), daerah Barat Daya (175) dan daerah Timur Laut (86).

“Berdasarkan pecahan kaum, penerima berbangsa Melayu merupakan jumlah terbanyak iaitu 1,037 keluarga atau 83.36% diikuti India (123, 9.89%), Cina (82, 6.60%) dan dua penerima dari lain-lain etnik (0.16%),” jelasnya.

Mengulas lanjut, Ab Wahab kesal dengan tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin yang 'gagal' merujuk kes-kes kemiskinan kepada beliau, sebaliknya hanya mencari publisiti di surat khabar dengan dakwaan tidak berasas.

“Saya kesal dengan tindakan beliau dan kurang faham mengapa kes-kes keluarga miskin (yang didakwa Norlela) tidak diajukan kepada saya atau jentera Kerajaan Negeri lain untuk sama-sama menggembleng usaha memberi bantuan.

“Kenapa harus mengeluarkan kenyataan melalui media arus perdana milikan Barisan Nasional (BN) dan memburukkan Kerajaan Negeri, sedangkan Kerajaan Negeri berusaha sebaik mungkin bagi mengurus dan menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang,” ujarnya.

Tambah beliau, berdasarkan pecahan penerima, sepatutnya SPT mencatatkan jumlah penerima AES lebih besar, namun, hanya 191 penerima sahaja setakat ini dan kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti mempunyai 48 penerima.

Pecahan penerima mengikut daerah dari Mac 2009 hingga Mac 2016:




“Sebelum inipun, beliau (Norlela) telah diberi penerangan terperinci tentang matlamat AES, cara-cara permohonan serta kriteria kelayakan bagi semua bantuan termasuk AES.

“Malah, pada 18 Mac lalu, bertempat di Pusat An-Nahdhoh, Penanti, lebih 40 orang termasuk Dr. Norlela (Norlela) sendiri hadir ke Taklimat AES bersama-sama pegawai dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Zakat Pulau Pinang (ZPP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penghulu kawasan.

“Sepatutnya, jika ada kes-kes tertentu, semua pihak bersedia membantu serta turun padang bagi mempercepatkan proses siasatan serta memberi bantuan segera,” katanya.

Program AES merupakan inisiatif murni Kerajaan Negeri dalam membasmi kemiskinan khususnya mereka yang miskin tegar dengan jaminan setiap keluarga menerima sekurang-kurangnya RM790 sebulan.

Berikut adalah syarat-syarat permohonan program AES:

- Warganegara Malaysia
- Bermastautin / menetap di Pulau Pinang
- Memiliki dokumen lengkap seperti :
- Kad Temujanji Perubatan
- Rekod Kehadiran Bayi
- Rekod Kehadiran Warga Emas
- Rekod Laporan Akademik Anak
- Memenuhi syarat PGK berikut:

| Bilangan Ahli Isi Rumah | Kelayakan (berasaskan PGK isi rumah) |
|---|---|
| 1 orang | PGK kurang daripada RM300 |
| 2 orang | PGK kurang daripada RM440 |
| 3 orang | PGK kurang daripada RM660 |
| 4 hingga 5 orang | PGK kurang daripada RM790 |
| 6 orang ke atas | PGK perkapita kurang daripada RM220 seorang |






# Sarul Bahiyah Pengarah PTG negeri baharu

**TERIMA TUGAS...** Sarul Bahiyah Abu baru-baru ini melafazkan ikrar serta mengangkat sumpah sebagai Pengarah Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pulau Pinang baharu.

Beliau melafazkan ikrar di depan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus serta barisan Exco semasa Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di sini.

Sebelum melaporkan diri ke negeri ini, Sarul Bahiyah merupakan Timbalan Pengarah PTG Negeri Selangor.



**SARUL Bahiyah Abu (tengah) melafazkan ikrar serta mengangkat sumpah di hadapan Ketua Menteri dan Farizan Darus (kanan sekali) di sini baru-baru ini.**

# Pemimpin isytihar harta hanya di P. Pinang, pertama dalam sejarah negara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – PBA Holdings Bhd. (PBAHB) baru-baru ini menandatangani Ikrar Integriti Korporat (IIK) bersama-sama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri menyaksikan majlis tandatangan antara Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa bersama-sama Datuk Sri Mustafar Ali (Timbalan Ketua Pesuruhjaya Bahagian Pencegahan SPRM).

"(Sejak tahun 2008), Pulau Pinang menjadi satu-satunya negeri dalam sejarah Malaysia selama hampir 60 tahun ini, satu-satunya negeri yang dipuji oleh *Transparency International* (TI) dalam urus kewangan secara bersih.

"IIK adalah suatu komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah.

"Kakitangan sesebuah syarikat yang menandatangani IIK bersama SPRM berikrar bahawa mereka tidak akan terlibat dalam sebarang jenayah rasuah," katanya yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah PBAHB pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.



**IR. Jaseni Maidinsa (kiri sekali) dan M. Samarajoo (kanan sekali) bertukar-tukar dokumen sambil disaksikan Ketua Menteri dan Mustafar Ali (dua dari kanan) selepas selesai majlis menandatangani IKK di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I merangkap Ahli Lembaga Pengarah PBAHB, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Dato' Mokhtar Mohd. Jait (Pegawai Kewangan Negeri), Datuk M. Samarajoo (Pengarah SPRM Pulau Pinang) serta beberapa pemimpin Kerajaan Negeri lain.

Tambah Guan Eng, dengan menandatangani IIK ini sekaligus PBAHB tersenarai dalam pendaftar CIP di laman Institut Integriti Malaysia dan dikenali sebagai organisasi berintegriti dalam Bursa Saham Malaysia.

Dalam pada itu, Mustafar dalam ucapannya memberitahu bahawa IIK bukan 'kosmetik', seperti dianggap sesetengah pihak.

"Apabila kita bercakap mengenai agenda melawan rasuah, SPRM mesti melakukan reformasi institusi (*institutional reform*), dan ikrar CIP (*Corporate Integrity Pledge*) ini tidak wajar dianggap sebagai 'kosmetik'," tegasnya.

Bahkan, Mustafar merakamkan penghargaan kerana PBAHB merupakan syarikat utiliti air korporat pertama di utara Semenanjung Malaysia yang menandatangani IIK bersama-sama SPRM.

Manakala, Jaseni pula memberitahu bahawa lebih 50 kakitangan PBAHB mengambil bahagian dalam majlis berkenaan.

"Mereka, termasuk ketua bahagian, pengurus, ahli-ahli lembaga pengarah serta wakil-wakil bagi 20 pembekal terbesar kepada PBAPP," ujar beliau.

Sehingga 31 Disember tahun lalu, difahamkan, PBAHB dan PBAPP terdiri oleh 1,240 kakitangan.

IKK yang dilafazkan terdiri oleh enam langkah integriti, seperti berikut:

- Melaksanakan pengisytiharan harta secara terbuka oleh Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Ketua Menteri dan ahli Exco yang diperiksa oleh sebuah firma perakaunan antarabangsa;
- Melaksanakan tender terbuka secara kompetatif;
- Menghalang ahli keluarga daripada terlibat dalam kontrak-kontrak kerajaan;
- Melindungi pemberi maklumat tulen;
- Menggugurkan pemimpin yang bergaya hidup mewah; dan
- Telus tentang sumbangan dan derma politik.

## Sumbangan kaki palsu harap kurang derita Kye Hern

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap orang ramai dapat menyumbang dana melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Lions Club of Penang Light* (Lions Club) demi menjayakan kerja-kerja kebajikan kepada golongan terpilih di negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika menyerahkan sumbangan bantuan Lions Club berupa kaki palsu kepada Choo Kye Hern, 10, di sini baru-baru ini.

Ayah kanak-kanak berkenaan, Choo Chuan Jin, 46, memberitahu, bahagian kaki kanan anaknya terpaksa dipotong kerana mengidap sakit *Neurofibromas* Jenis 1, iaitu sejenis gangguan genetik sejak bayi.

Pun begitu, jelas beliau, sumbangan kaki palsu berkenaan seakan mengurangkan penderitaan hidup anaknya sejak empat bulan lalu.



**MOHD. Rashid Hasnon (dua dari kiri) cuba menyarungkan kaki palsu kepada Choo Kye Hern (berbaju kotak) sambil ditemani oleh ibu bapa kanak-kanak berkenaan selepas sidang media di sini baru-baru ini.**

"Ini adalah keputusan yang paling sukar untuk kami buat.

"Meskipun susah untuk kami menerima kenyataan, tapi ini adalah keputusan terbaik untuk Kye Hern ekoran pembedahan yang dilakukan pada tahun 2014 tidak menunjukkan kesan positif.

"Selepas tempoh setahun pembedahan, kakinya membengkok semula, justeru, pada Disember tahun lalu, atas nasihat pakar, kaki kanannya terpaksa dipotong sehingga ke paras lutut," ujarnya pada sidang media di sini.

Difahamkan, sumbangan kaki palsu itu adalah sebahagian daripada program *Lions Prosthetic Limbs Project*, di bawah kendalian Pengerusi Program, Leslie Hong.

Menurut Gabenor Daerah Lions Club, John Loh, sumbangan kaki palsu jenis prostetik tersebut dianggarkan bernilai RM15,000, termasuk kos penyelenggaraan selama dua tahun.

Hubungi Lions Club atas talian **04 – 228 1091** untuk mendapatkan info lanjut atau menyalurkan sumbangan dana kebajikan bagi golongan terpilih di negeri ini.

## Pelajari teknik CPR & AED, selamatkan mangsa serangan jantung



**KETUA Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Ghafar Rajab melakukan demonstrasi CPR pada Majlis Perasmian Mass CPR-AED di Tapak Pesta Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**PERTOLONGAN CEMAS...** 4 minit pertama selepas serangan jantung adalah waktu kritikal bagi seseorang mangsa.

Ini kerana, dalam tempoh tersebut sekiranya pertolongan cemas, resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan penggunaan *Automated External Defibrillator* (AED) dimulakan secepat mungkin, ia mampu menyelamatkan otak mangsa daripada kekurangan oksigen serta sel-sel otak mulai mati.

Justeru, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyeru lebih ramai rakyat Pulau Pinang supaya mempelajari teknik CPR dan cara menggunakan mesin AED bagi meningkatkan peluang mangsa serangan jantung untuk diselamatkan.

Katanya, inisiatif khas yang diambil adalah menempatkan mesin-mesin AED di 10 lokasi terpilih di seluruh negeri ini.

"Antaranya, Taman Botani, Taman Perbandaran, Persiaran Gurney, Persiaran Padang Kota Lama, Komtar, Terminal Bas Sungai Nibong dan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)," katanya pada Majlis Perasmian Mass CPR-AED di Tapak Pesta Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan peluncuran majlis yang disertai hampir 2,000 peserta ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

# Laman sesawang & risalah interaktif PCEB promosi industri MICE negeri

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) baru-baru ini melancarkan laman sesawang interaktif, *www.pceb.my*, bagi memudahkan urusan berhubung mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, G. Ashwin berkata, langkah itu sejajar dengan kemampuan Pulau Pinang menganjurkan pelbagai pameran dan konvensyen bertaraf dunia.

"Laman sesawang ini akan memberikan nilai tambah kepada pelanggan dari segi maklumat, perkhidmatan dan keperluan yang diperlukan dalam penganjuran sesuatu acara bertaraf antarabangsa.

"Saya percaya, melalui laman sesawang interaktif ini, ia akan memberi manfaat bukan sahaja kepada rakan-rakan dalam industri MICE, tetapi juga mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi pilihan MICE terunggul," katanya pada Majlis Peluncuran Laman Sesawang Interaktif PCEB di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan peluncuran tersebut ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Laman sesawang interaktif PCEB bukan sahaja direka bagi memenuhi permintaan pelanggan untuk menikmati pengalaman atas talian yang lebih bersifat peribadi, malah membolehkan pelanggan mengetahui maklumat terkini dan mendapatkan perkhidmatan terbaik berhubung MICE di Pulau Pinang dengan ciri-ciri utama terkini turut diperkenalkan iaitu fungsi permohonan *Request For Proposal* (RFP) dan *Industry Partner Programme* (IPP) demi kemudahan pelanggan.

Dalam perkembangan berasingan, PCEB turut meluncurkan dua penerbitan risalah sulung, *Destination Experience Brochure* dan *Penang MICE Guide 2016-17* pada 15 April lalu di Wisma Yeap Chor Ee di sini.

Direka sebagai sebuah risalah berbentuk *'coffee table book'*, kedua-dua penerbitan tersebut mempamerkan kekayaan budaya, warisan, alam semulajadi dan kesenian di Pulau Pinang di samping menjadi destinasi pilihan unik untuk konvensyen, perniagaan serta percutian.

Guan Eng memberitahu, industri MICE merupakan pemacu penting bagi ekonomi Pulau Pinang.

"Menurut Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia atau MyCEB, purata perbelanjaan dianggarkan bagi setiap pelancong perniagaan antarabangsa yang melawat ke Pulau Pinang pada tahun 2015 mencecah USD$3,500 (anggaran RM13,638) berbanding pelancong biasa hanya sekitar RM2,000.




**SALAH seorang pengunjung menunjukkan risalah *Destination Experience Brochure dan Penang MICE Guide 2016-17* pada majlis peluncurannya di sini baru-baru ini.**

"Laporan *Travel & Tourism Economic Impact 2015* Malaysia oleh Majlis Kembara dan Pelancongan Dunia pula menyatakan bahawa perbelanjaan perjalanan perniagaan berkembang sebanyak 10.2 peratus pada tahun lalu (2015) iaitu RM72.4 bilion dan dijangka meningkat 5 peratus setiap tahun menjadikan RM 117.9 bilion menjelang tahun 2025," ujar beliau.

PCEB adalah sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan yang diwujudkan pada Januari lalu bagi membantu dan memudahcara industri MICE di Pulau Pinang.

## Kenang perjuangan Karpal Singh, terus semarak usaha tegak kedaulatan undang-undang

Oleh : **S. HEMAWATHI**

**GEORGE TOWN** – Usaha menegakkan kedaulatan undang-undang serta integriti kerajaan yang lantang dilaungkan mendiang Karpal Singh semasa hayatnya dahulu mesti terus disemarakkan.

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh berkata demikian ketika majlis mengenang ulangtahun kedua pemergian veteran politik tanah air, mendiang Karpal Singh di sini baru-baru ini.

Menurut Ram, ayahnya yang pada hujung hayat dengan berkerusi roda tidak pernah mengeluh dalam perjuangan menegakkan kedaulatan undang-undang.

"Selalu mendiang ingatkan kita, 'Jangan main-main dengan perlembagaan, ikut apa yang ada dalam perlembagaan, undang-undang yang utama dalam negara ini'.

"Justeru, saya bersama-sama saudara Jagdeep dan Gobind akan cuba sebaik mungkin untuk berkempen dan membawa perubahan positif kepada rakyat Sarawak," katanya pada majlis berkaitan.

Dua saudara kandung beliau, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Datuk Keramat) serta Gobind Singh Deo (Ahli Parlimen Puchong, Selangor) turut berucap pada majlis anjuran Persatuan Eurasian Pulau Pinang (PEPP) tersebut.

Hadir sama, balu mendiang, Gurmit Kaur serta ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.

## Langkah proaktif perlu demi elak kematian tahanan dalam lokap




**PROF. Dr. P. Ramasamy sedang berucap pada Majlis Kempen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Zalim di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy melahirkan rasa bimbang ekoran peningkatan laporan kes kematian tahanan dalam lokap polis di negara ini

Katanya, hampir 255 kes berkaitan direkodkan di seluruh negara antara tahun 2000 hingga 2014, sehingga kini, dua laporan sahaja diakui berpunca daripada pihak polis sendiri.

"Kematian dalam tahanan adalah suatu isu yang harus dipandang serius.

"Di Pulau Pinang, sebanyak sembilan kes direkodkan pada 2014, dan empat (2015)," ucapnya pada Majlis Kempen Menentang Penyeksaan dan Hukuman Zalim di sini baru-baru ini.

Kempen kesedaran tersebut dianjurkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dengan kerjasama Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam di bawah Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan *Amnesty International Malaysia* (AIM).

Tambah Ramasamy, kes-kes berkaitan tidak sepatutnya berlaku kerana setiap individu mempunyai hak kepada nyawa, sebagaimana termaktub dalam Perkara 3 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

"Tidak dinafikan, masih ramai masyarakat umum tidak menyedari kewujudan hak-hak individu yang membolehkan seseorang dituntut mengikut SUHAKAM.

"Justeru, saya menggesa supaya semua pihak berwajib merangka langkah penyelesaian yang lebih proaktif demi memastikan kes kematian tahanan di dalam lokap polis tidak berulang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Ramasamy menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui penubuhan sebuah jawatankuasa khas sebelum ini juga diarah merekod kes kematian di dalam lokap polis yang berlaku di Pulau Pinang

# Exco jelas kejayaan ekonomi negeri kepada rombongan Semenyih

**GEORGE TOWN –** Rombongan 50 pengunjung dari Selangor diketuai Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Semenyih, Hamidi A. Hasan bertandang ke Pejabat Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin di sini baru-baru ini.

Afif berkata, kesempatan itu dimanfaatkan dengan menjelaskan mengenai rekod kejayaan Kerajaan Negeri hari ini dalam memajukan ekonomi Pulau Pinang serta program-program kebajikan yang disediakan untuk rakyat.

“Ini adalah lawatan biasa dan saya menerangkan beberapa perkara mengenai Kerajaan Negeri seperti program-program kebajikan yang dibuat sejak tahun 2008 hingga kini,” katanya ketika memberi penjelasan kepada delegasi berkaitan di Komtar di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, rombongan pada 21 Mac lalu itu turut dibawa menjelajah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya serta Parlimen Permatang Pauh.

Dalam kenyataan balas, Hamidi mempelawa Afif supaya mengatur rombongan serupa ke Semenyih demi mengeratkan lagi silaturahim kedua-dua belah pihak.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) berjabat tangan dengan sebahagian peserta rombongan dari Semenyih yang mengadakan lawatan ke Komtar di sini baru-baru ini.**





**Rumah Kedai 3 Tingkat Kontemporari**

- Keluasan tanah: 20’ x 70’ dan ke atas
NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2, TAMAN BAGAN TAMBUN 14100 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : LIM AH CHAI - 58042107****
NO. 9 LORONG BAGAN TAMBUN 2, TAMAN BAGAN TAMBUN, 14100 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : TAN KIAN GUAN - 52082707****
1661 JALAN BUKIT TAMBUN,
14110 SIMPANG EMPAT,
SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 10887
Peminjam : MOHAMAD IHSAN BIN MOHAMAD ARIF - 85052707****
2-1-4 INTAN RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 1 : HADZERI BIN HASHIM - 61042509****
NO. 49 JALAN RP4/10, TAMAN RAWANG PERDANA, 48000 RAWANG, SELANGOR
Penjamin 2 : MOHAMAD KHALIL BIN MOHD TAHA - 57051605****
LOT 11596 JALAN 10 , TAMAN MESRA, KAJANG, 43000 SELANGOR

No Akaun : 10892
Peminjam : VSALNI A/P RAJA GOPAL - 86121535****
NO. 37 TINGKAT SENANGIN 6,
13600 PERAI
Penjamin 1 : RAJA GOPAL A/L THANDAYAN - 60102907****
NO.37 TINGKAT SENANGIN 6,
TAMAN SENANGIN, 13600 PERAI
Penjamin 2 : GUNAGGELAN A/L PERUMAL - 68091608****
NO. 20 LORONG KURAU 7,
TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI

No Akaun : 10893
Peminjam : LEE KEAN LOONG - 88111535****
NO.633 LORONG KEMUNING 3,
TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : WONG THANK HOONG - 79102907****
5027 JALAN SELASIH 1,
TAMAN SELASIH 5,
09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : LEE AH KOW - 44042702****
143-B JALAN PADANG TEMBAK
11400 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10896
Peminjam : VISHNU VARTHAN A/L RAJASEGARAN - 84052907****
NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5,
TAMAN SENANGIN, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : RAJASEGARAN A/L APPAROO - 59061707****
NO. 415 LORONG SENANGIN 2/5,
TAMAN SENANGIN, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : SALMA A/P PAPAIAH - 55092102****
6 LORONG BERTAM INDAH 36,
TAMAN BERTAM INDAH,
13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10897
Peminjam : SITI NOOR BINTI AHMAD - 88111407****
253 MK H, SUNGAI BURUNG,
BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AHMAD BIN ARIFFIN - 63101807****
677 MUKIM D, JALAN BHARU,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOR HIZAM BIN AZIZ - 77062707****
253 MUKIM H, SUNGAI BURUNG,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM BIN MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108***
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG
34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10826
Peminjam : ROHANA BT KAMARUL ARIFFIN - 87062735****
MO. 15 JALAN PINTAR 3, TAMAN UNIVERSITI,
SUNGAI TANGKAS 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : UMI KALSOM BINTI KAMARUL ARIFFIN - 76080107****
55 JALAN TAMBATAN 19/16, SEKSYEN 19, SHAH ALAM 40300 SELANGOR
Penjamin 2 : ELEANOR SHIDAH BINTI KAMARUL ARIFFIN - 77071507****
NO. G/1.10, TKT 1 JKR(P) 3151 SUK, JALAN
DAWAI 16/2, SEKSYEN 6, 40200 SHAH ALAM, SELANGOR

# KM bangga kilang *Boston Scientific* pertama Asia Tenggara di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT TAMBUN –** *Boston Scientific* dari Amerika Syarikat akan membuka firma peranti perubatan di Taman Perindustrian Batu Kawan, sungguhpun 'iklim' pelaburan dan ekonomi negara kian mencabar belakangan ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa bangga kerana kilang yang bakal dibina tersebut merupakan pertama di Asia Tenggara, demi memenuhi permintaan pasaran global di rantau ini.

"Sejak ditubuhkan pada 1979, pertumbuhan *Boston Scientific* begitu agresif dalam beberapa tahun dengan 13 kilang di serata dunia, iaitu enam di Amerika Syarikat sendiri, manakala tujuh lain di luar Amerika Syarikat, termasuk dua kilang di Costa Rica dan sebuah kilang di Puerto Rico.

"Saya begitu bangga apabila Pulau Pinang dipilih oleh *Boston Scientific* sebagai pangkalan (kilang) pertama di Asia (Tenggara).

"Pengembangan (pelaburan) terbaru ke rantau Asia (Tenggara) ini akan menghasilkan alat perubatan canggih demi memenuhi permintaan global, bagi segmen pembedahan kardiovaskular dan perubatan mereka (Boston Scientific)," katanya pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Kilang *Boston Scientific* di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Pada majlis sama, ucapan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustafa Mohamed disampaikan oleh timbalannya, Datuk Lee Chee Leong.

Turut berucap, Naib Presiden Eksekutif (Operasi) *Boston Scientific*, Edward Mackey dan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Joseph Y. Yun.

Tambah Guan Eng, pelaburan terbaru syarikat multinational berkenaan akan mencipta kira-kira 400 lagi peluang pekerjaan mahir di negeri ini kelak.

"Lebih 40 tahun pengalaman perindustrian di Pulau Pinang adalah lokasi yang tepat untuk *Boston Scientific* memperluaskan aktivitinya di peringkat global (kerana) Pulau Pinang merupakan satu pertiga daripada hab syarikat peranti perubatan utama di Malaysia.

"Ini, tidak termasuk lebih 3,000 rantaian pembekal tempatan pelbagai yang cekap, sudah tentu mendorong lebih banyak industri sokongan yang mantap serta jarian pembekal (ke Pulau Pinang)," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.




**KETUA Menteri, Lee Chee Leong (tengah), Joseph Y. Yun (dua dari kiri) serta tetamu utama lain menyempurnakan gimik Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Kilang Boston Scientific di Taman Perindustrian Batu Kawan di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, eksport peranti perubatan negara pada tahun 2015 meningkat 15 peratus menjadi RM15.5 bilion, berbanding tahun sebelumnya serta dijangka terus meningkat sejumlah RM26 bilion menjelang tahun 2020.

Pelaburan ke Pulau Pinang mulai tahun 2008 hingga 2015 direkodkan kira-kira RM55 bilion, iaitu meningkat 90 peratus berbanding lapan tahun sebelumnya (2000 hingga 2007) yang berjumlah RM29 bilion sahaja.

## Empat teras utama jadi penggerak transformasi P. Pinang - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Selaras dengan tekad Kerajaan Negeri untuk menggerakkan transformasi Pulau Pinang ke arah negeri pintar dan bertaraf antarabangsa berteraskan inovasi, kreativiti serta ilmu pengetahuan, empat teras strategik utama dikenalpasti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, teras strategik utama berkaitan ialah idea bernas dalam membuat dasar serta tadbir urus yang baik, pelaburan swasta yang mencukupi, modal insan terlatih dan pengangkutan awam yang bersepadu.

"Keempat-empat teras tersebut terbukti berkesan apabila Pulau Pinang berjaya mencapai peralihan ekonomi iaitu dari sebuah negeri berpendapatan sederhana ke arah negeri berpendapatan tinggi, iaitu daripada pertumbuhan industri yang hampir sifar kepada lebih RM1 bilion dalam masa tujuh tahun," ucapnya pada Sesi Dialog Malaysia Dutch Business Council (MDBC) Bersama-sama Ketua Menteri Berhubung Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Duta Besar Belanda ke Malaysia, Harry Molenaar; Pengarah Kumpulan (*Business Development* dan Corporate Finance) Gamuda Berhad, Andrew Chan; Pengurus Perniagaan Wilayah, Boskalis, Pranab Choudhury serta beberapa wakil MDBC seperti Remco Koster, Marco Winter dan John Benoist.

*Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Pulau Pinang kini menjadi 'mangsa' kejayaan sendiri apabila penambahbaikan yang dilakukan Kerajaan Negeri sejak 2008 membuahkan hasil.*

*"Hal ini terbukti apabila Pulau Pinang berjaya mencapai sejumlah RM55 bilion pelaburan dari tahun 2008 hingga 2015 iaitu 90 peratus lebih tinggi berbanding tahun 2000 hingga 2007, RM29 bilion.*

*"Bukan itu sahaja, Pulau Pinang juga mencatatkan penurunan 90 peratus hutang negeri kepada Kerajaan Persekutuan iaitu RM69 juta menjadikan negeri terendah dengan 0.41 peratus daripada jumlah keseluruhan hutang negeri-negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang keseluruhan berjumlah RM16.8 bilion," jelasnya.*



**CHOW Kon Yeow sedang menyampaikan ucaptama beliau pada Sesi Dialog MDBC Bersama-sama Ketua Menteri Berhubung PIP Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Tambah Guan Eng, pelaksanaan inisiatif PIP bernilai RM27 bilion oleh Kerajaan Negeri juga mampu merancakkan proses transformasi Pulau Pinang.

Malah, jelasnya, berdasarkan anggaran kasar dilaksanakan *PricewaterhouseCoopers* (PwC), iaitu sebuah firma perakaunan terkemuka bertaraf multinasional dari United Kingdom, Kerajaan Negeri akan memperoleh RM205 bilion dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2050 sekiranya PIP berjaya dilaksanakan secara menyeluruh.

"Cadangan pelaksanaan PIP ini bukan sahaja akan memastikan pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang pesat, malah turut menyediakan ruang dan infrastruktur yang diperlukan rakyat untuk generasi akan datang.

"Oleh itu, saya percaya pelaksanaan PIP ini juga tidak terkecuali, mampu memberi kesan berganda dan menjadi permulaan pemangkin kemajuan ekonomi Pulau Pinang menjelang tahun 2065 nanti," ujarnya.

# Jumlah peserta Anugerah Kitar Semula 2016 meningkat



MAIMUNAH Mohd. Sharif (tengah, bertudung merah jambu) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta yang hadir pada Majlis Pelancaran Anugerah Kitar Semula 2016 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Syarikat swasta, PLB Eco Solutions Sdn. Bhd. (PLB) akan menaja tiga unit jumbo beg bagi mengisi kertas, plastik dan logam kepada setiap sekolah yang menyertai Anugerah Kitar Semula 2016.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, inisiatif PLB itu adalah selari dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang akan dikuatkuasakan di seluruh Pulau Pinang mulai 1 Jun ini.

"Ini merupakan satu konsep 4Ps, iaitu *Public* (Awam), *Private* (Swasta), *People* (Rakyat) dan *Partnership* (Perkongsian) di antara MPSP, sekolah-sekolah dan pihak PLB.

"Tanpa perkongsian 4Ps ini, program ini tidak akan mencapai matlamatnya, iaitu konsep Sifar Sisa di sekolah," katanya selepas merasmikan majlis pelancaran anugerah tersebut di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Anugerah Kitar Semula 2015 lalu pun ditaja oleh Infitech Machinery Sdn. Bhd., iaitu syarikat sama dengan pihak PLB.

"Tahun lalu, hanya 28 sekolah yang menyertai Anugerah (Kitar Semula) ini, meningkat pada tahun ini (2016) menjadi 103 buah sekolah.

"Dengan promosi yang kita (MPSP) buat, akan ada lagi penyertaan," jelas beliau.

Pada majlis sama, Penolong Pengurus Pembangunan Perniagaan PLB, Nazzia Abu Hassan Shaari memberikan penjelasan mengenai peraturan serta kriteria penilaian kepada semua sekolah yang menyertai anugerah tersebut.

Tambah Maimunah, MPSP turut akan memberi 10 pasu bunga kepada sekolah-sekolah yang menyertai anugerah berkaitan pada hujung bulan Mei ini.

"Sehingga kini, sebanyak 97 sekolah menghantar borang permohonan untuk menyertai Anugerah Sekolah Hijau 2016.

"Mereka (para peserta) dikehendaki menghantar laporan aktiviti kitar semula yang dilakukan di peringkat sekolah masing-masing kepada MPSP sebelum bulan Julai 2017," jelasnya.

Tambah Maimunah, mereka yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau 2016 turut dialu-alukan untuk terlibat dalam Program Sepagi Bebas Kenderaan pada hari Ahad pertama tiap-tiap bulan di Jalan Todak 2 dekat Seberang Jaya.

PHEE Boon Poh (tiga dari kiri) meneliti kain yang bakal digunakan untuk proses kitar semula pada Majlis Perasmian Projek 'Up-Cycle' SIG Bersama-sama Komuniti di sini baru-baru ini.



# Exco puji inisiatif CSR MPSP & swasta demi alam sekitar

**BAGAN JERMAL** – Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh memuji pendekatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersama-sama syarikat swasta dalam memastikan pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca pada 1 Jun ini lancar.

Terbaru, syarikat peneraju industri pakaian yang terletak di Perai, South Island Garment Sdn. Bhd. (SIG) menyahut seruan Kerajaan Negeri dengan menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai dasar syarikat tersebut.

Boon Poh ketika ditemui berkata, usaha MPSP bersama-sama syarikat-syarikat swasta di Pulau Pinang dalam menjayakan dasar tersebut harus dipuji apatah lagi dilaksanakan melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Usaha seperti ini, boleh dijadikan contoh kepada syarikat-syarikat swasta lain dalam melaksanakan CSR demi kelestarian alam sekitar.

"Hari ini, SIG telah menjadikan cebisan kain lebihan yang sudah tidak boleh digunakan (untuk membuat pakaian) kepada sesuatu yang bermanfaat seperti beg kain, sekaligus menjana pendapatan tambahan untuk komuniti setempat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Projek 'Up-Cycle' SIG Bersama-sama Komuniti di sini baru-baru ini.

Hadir sama, beberapa Ahli-ahli Majlis MPSP seperti K. Kumar, Alias Wan Chek dan Tan Chee Teong serta Pengurus Besar SIG, Lim Eng Huat dan Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong, Abdul Rahman Saad.

Turut sama, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Thamby Kecil, Ooi Cheng Poh serta ahli-ahlinya.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu, MPSP akan membantu mencari pasaran untuk produk-produk dihasilkan komuniti setempat yang terlibat dalam projek ini.

Pada majlis tersebut, SIG menyerahkan sejumlah 600 meter kain kepada pihak Koperasi Lestari Alam Sekitar Permatang Nibong dan JKKK Thamby Kecil bagi menghasilkan produk-produk berasaskan kain untuk dipasarkan kelak.

# Tmn. Lebuh Armenian beri manfaat kepada rakyat & sektor pelancongan



ANTARA aktiviti yang boleh dilakukan di kawasan Taman Lebuh Armenian yang dinaiktaraf sebagai kawasan riadah semulajadi di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap projek menaiktaraf Taman Lebuh Armenian berkeluasan 3,600 meter persegi di sini bakal memberi manfaat kepada rakyat sekaligus merancakkan sektor pelancongan setempat.

Projek bernilai RM1.2 juta tersebut adalah hasil usahasama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dan *Aga Khan Trust fot Culture* (AKTC) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebagai salah satu inisiatif memulihara kawasan Tapak Warisan UNESCO.

"Di Pulau Pinang, tidak banyak kawasan riadah semulajadi yang hijau dan selesa untuk orang awam, jadi Kerajaan Negeri mengambil inisiatif menaiktaraf taman-taman kejiranan sedia ada.

"Kerajaan Negeri juga berusaha membuka rangkaian kawasan-kawasan riadah demi meningkatkan aktiviti sosial penduduk sekaligus meningkatkan kualiti hidup rakyat," katanya pada Majlis Pra Pelancaran Taman Lebuh Armenian di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey, Pengerusi ThinkCity, Prof. Datuk Dr. Anwar Fazal dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa usahasama antara AKTC, ThinkCity, MBPP dan Kerajaan Negeri bukan sahaja merangkumi penarafan taman-taman kejiranan, tetapi juga mengambil kira nilai estetika sesebuah taman tersebut sebelum dinaiktaraf.

Dalam majlis sama, Guan Eng turut melancarkan *ICOMOS Children Art Competition 2016* sempena Hari Monumen dan Tapak Warisan Sedunia 2016 dengan bertemakan *'Heritage Food of Malaysia'*.

Hasil karya pemenang akan ditukar kepada poskad atau kad resepi untuk dijual dan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan terpilih.

# SUKMA XVIII Sarawak, P. Pinang sasar 30 emas

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**GEORGE TOWN –** "Jika ingin mencapai kejayaan yang cemerlang di dalam sukan, jangan cuba menipu diri anda sendiri".

Itulah intipati amanat yang disampaikan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon kepada kontinjen Sukan Malaysia (SUKMA) Pulau Pinang yang bakal bertandang ke Bumi Kenyalang (Sarawak) pada 23 Julai hingga 31 Julai depan.

"Penipuan yang saya maksudkan di sini adalah berkenaan latihan, persediaan ala kadar, lemah minda, tidak dapat memberikan komitmen dan fokus terbaik seperti diminta oleh jurulatih itu samalah seperti menipu diri sendiri," ujarnya pada Majlis Countdown 96 Hari Ke SUKMA XVIII Sarawak 2016, 16 April lalu di sini.

Hadir sama, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ghazali Derahman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

Menurut Mohd. Rashid, jurulatih dan para atlet seharusnya mampu bekerja dalam satu pasukan demi menghasilkan kejayaan yang gemilang kepada negeri Pulau Pinang.

"Bukan sahaja jurulatih dan atlet, Kerajaan Negeri juga harus berganding bahu menyokong inisiatif berpasukan yang ditonjolkan ke arah kejayaan jitu," katanya.

Dalam pada itu, mengulas lanjut, Chong Eng mengingatkan supaya para atlet memberikan lebih 100 peratus dalam perjuangan memartabatkan sukan di peringkat kebangsaan.

"Memenangi emas bukanlah segala-galanya dalam sukan, apa yang lebih penting (adalah) atlet-atlet ini belajar serta meraih pengalaman sebagai persediaan untuk melangkah lebih jauh dan mungkin mampu mewakili negara kelak.

"Dalam memburu kejayaan, mereka (atlet) perlu menolong diri sendiri. Contohnya, Kerajaan Negeri hanya berupaya menyediakan kemudahan sukan, tetapi tidak boleh memaksa mereka (atlet) untuk menggunakan kemudahan tersebut sekiranya (mereka) tiada keinginan untuk berbuat demikian," jelasnya.

Sehingga April 2016, jumlah kontinjen Pulau Pinang adalah seramai 450 termasuk atlet, jurulatih dan pegawai.

Kontinjen Pulau Pinang menyasarkan 30 pingat emas pada temasya SUKMA XVIII Sarawak 2016.



**MOHD. Rashid Hasnon (barisan pertama, 10 dari kiri), Chong Eng (barisan pertama, 11 dari kiri) bersama-sama kontinjen negeri bergambar kenangan pada Majlis Countdown 96 Hari Ke SUKMA XVIII Sarawak 2016, 16 April lalu di sini.**

## Karnival permotoran mampu gamit pelancong ke P. Pinang



**SEBAHAGIAN pengunjung terpesona dengan basikal dan motosikal antik yang dipamerkan pada penganjuran Karnival Usahawan Permotoran Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**BUKIT TAMBUN –** Lebih 40 gerai pameran dibuka semasa berlangsungnya Karnival Usahawan Permotoran Peringkat Negeri Pulau Pinang di perkarangan parkir Stadium Batu Kawan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hanson berkata, karnival seumpama itu diharap menggamit lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang selain mengembangkan potensi prospek perniagaan berkaitan permotoran berkuasa tinggi di negeri ini.

"Di tahun 2016 juga, kita mampu lihat pelbagai revolusi yang terjadi kepada teknologi permotoran di negara ini, misalnya pada aspek kecanggihan, aksesori, kreativiti dan sebagainya yang mampu ditonjolkan pada karnival ini.

"Ianya mampu menjana pendapatan jika terlibat dengan lebih serius," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat semasa menyempurnakan majlis perasmian penutup karnival tersebut.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Maktar Shapee dan Amir Mohd. Ghazali (Setiausaha Politik kepada Timbalan Ketua Menteri I).

Mohd. Rashid yang juga ADUN Pantai Jerejak memberitahu, karnival yang berlangsung pada 1 hingga 3 April lalu itu menerima kunjungan lebih 10,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

Aksi drift, pameran kenderaan klasik serta gerai jualan aksesori dan audio antara acara menarik di karnival tersebut.

## PgiTD'16, jumlah peserta wanita meningkat



**AKSI para peserta dalam acara berbasikal pada penganjuran PgiTD'16 di sini baru-baru ini.**

**TELUK BAHANG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memuji penganjuran *Penang International Triathlon & Duathlon 2016* (PgiTD'16) sebagai yang terbaik sejak edisi pertama (pada 2012) yang menyaksikan jumlah penyertaan peserta wanita meningkat.

Penyertaan wanita dalam edisi sebelum ini hanya kira-kira 20 peserta, namun bilangan kali ini meningkat sehingga melebihi 110 peserta.

"Dahulu (empat tahun lepas), kita lihat hanya lebih kurang 20 peserta, tetapi sekarang lebih daripada 110 (peserta) wanita menyertainya," katanya ketika ditemui sejurus melepaskan peserta PgiTD'16 di Pantai Jubilee di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Kelab Berbasikal G, Datuk Dr. Lim Seh Guan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, PgiTD'16 juga mencatat sejarah tersendiri apabila jumlah penyertaan keseluruhan meningkat kepada 1,000 peserta dengan 60 peratus daripadanya adalah peserta antarabangsa.

Malah, beliau turut menyifatkan PgiTD'16 sebagai salah satu medium mempromosikan sektor pelancongan di negeri ini.

PgiTD'16 memperlihatkan penyertaan dari 22 negara termasuk Amerika Syarikat, Australia, Belgium, Britain, Kanada, Perancis, Filipina, Jerman, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Mexico, Belanda, Norway, Pakistan, Rusia, Singapura, Afrika Selatan, Sweden, Venezuela dan Malaysia.

Terbahagi kepada dua kategori iaitu acara triathlon merangkumi renang sejauh 1.5 kilometer (km) di Pantai Jubilee, berbasikal (40km) dan larian (10km). Bagi acara duathlon, ia melibatkan larian 7km, berbasikal (40km) dan larian semula ke garisan penamat sejauh 10km.

# Jus buah pala D'Rosa, hasil eksperimen berterusan Kak Ani

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**SAKIT** perut yang sentiasa dialami Kak Ani, menurutnya hanya boleh pulih setelah minum jus buah pala.

Kak Ani atau nama sebenar Rohani Mohd. Hassan, 53, ketika itu telah empat tahun (sejak 2004) bergelar pengusaha kordial tropika jenama D'Rosa.

Kebetulan dalam proses untuk mempelbagaikan produk pengeluarannya.

"Kenapa tak jual jus buah pala saje mak?'' soal anaknya ketika membuat persediaan untuk jualan sempena penganjuran Pesta Pulau Pinang tahun 2008.

Ketika itu, terdetik pada sanubari Kak Ani untuk mencuba, tambahan pula, terdapat pokok buah pala yang tumbuh di belakang rumah beliau.

Mencuba nasib dengan eksperimen terbarunya, Kak Ani tidak menyangka hasil jualan adalah laris bagaikan pisang goreng panas.

"Rasa letih sampai nak berhenti. Sangat laku, malah lebih laku daripada produk kordial tropika sebelum ini,'' katanya yang telah lebih 30 tahun menetap di Sungai Rusa, Balik Pulau.

Walaupun laku, jus buah pala yang dihasilkan beliau adalah tidak tahan lama. 'Boleh meletup', ulas Kak Ani ringkas.

Justeru, Kak Ani membuat eksperimen lanjut, malah beliau turut mengikuti kursus anjuran pelbagai pertubuhan dari semasa ke semasa. Pendedahan tersebut secara tidak langsung menyedarkan beliau bahawa banyak lagi penambahbaikian yang perlu dilakukan.

"Amat sensitif. Malah, cara penyimpanan buah pala yang dikutip turut menjadi faktor penentu jus yang dihasilkan. Buah pala yang dikutip perlu dijual terus, walaupun disimpan dalam tempoh sehari (selepas dikutip), sekiranya diproses, jus yang dihasilkan akan berwarna merah.

"Situasi ini pernah berlaku kepada Kak Ani, yang mana 40 kilogram (kg) produk yang dihasilkan terpaksa disedekahkan kepada orang sebab ia (jus yang dihasilkan) berwarna merah,'' jelas beliau.

Menceritakan mengenai proses pembuatannya, Kak Ani yang dikurniakan lima cahaya mata memberitahu bahawa buah pala terlebih dahulu perlu dibelah dua dan direndam seharian.

"Ia kemudian perlu dibasuh banyak kali sebelum dimesin atau diperah. Jus kemudian dimasak sampai mendidih dan masukkan gula,'' ujarnya.

Berkongsi dengan lebih lanjut, Kak Ani yang tidak pernah jemu membuat eksperimen terhadap produk yang dihasilkan menyatakan bahawa beliau juga pernah menggunakan herba stavia untuk menggantikan gula di dalam produk yang dihasilkan.

"Pada peringkat permulaan, rasa yang dihasilkan *ok*, namun, lama-kelamaan, rasa manisnya kian hilang dan jadi tawar.



**KAK Ani atau Rohani Mohd. Hassan.**

"Kira-kira 1,000 botol (produk) kena kutip balik sebab kawan-kawan yang beli maklum dan bertanyakan kenapa ia tawar,'' katanya.

Bagi perancangan masa depan, Kak Ani memberitahu bahawa beliau berhasrat agar produknya dapat memasuki pasaran luar negara.

"Pada masa sama, saya juga ingin mempelbagaikan lagi produk kepada jenis (produk) uncang, sabun buah pala, minyak angin, minyak urut dan lain-lain,'' jelas beliau sambil tidak menafikan bahawa terdapat pelbagai khasiat pada biji, ari-ari (urat) buah pala, akar serta daun tumbuhan berkaitan.




**KEPELBAGAIAN produk yang kini dipasarkan.**

Kini, purata penghasilan produk Kak Ani adalah mencecah 80kg untuk sekali pembuatan. Malah, jumlah tersebut adalah tidak menentu, bergantung kepada permintaan semasa.

"Selain galakan Jabatan Pertanian dan (Persatuan) Peladang, kejayaan saya pada hari ini adalah banyak daripada sokongan keluarga termasuk suami, Mohd. Sobri Mohd. Zain.

"Malah, anak bongsu saya (lelaki) juga amat berminat untuk mengambil alih perniagaan ini daripada saya apabila beliau bersedia kelak. Saya juga telah 'bagi' pada dia (anak) semua resepi dan cara pembuatan,'' kata Kak Ani.

Mengulas lanjut, Kak Ani memberitahu produknya boleh diperoleh di premis-premis Agro Bazaar dan Bengkel Pertanian, Jalan Sungai Nipah, Mukim G, Balik Pulau.

**INFO :**
**Rohani MH Enterprise**
**D' Rosa**
**521, Mukim 3, Sungai Rusa,**
**11000 Balik Pulau.**
**Tel.: 04 - 866 0154/017 - 430 4698**
**FB: nutmeghome**




**JUS buah pala D'Rosa berlatarbelakangkan biji buah pala yang kering.**



**RUPA bentuk pokok buah pala. *(Sumber: Internet).***


MY PENANG
MY FUTURE
STEMA
Penang Future Foundation
ANNOUNCEMENT
ONLINE APPLICATIONS FOR YEAR 2016 ARE ACCEPTED FROM
18.5.2016 - 15.6.2016
INSPIRING HOPES
PENANG FUTURE FOUNDATION is a scholarship program awarded by the Penang State Government and is open to all eligible Malaysians regardless of race, religion and gender, especially from single, low to middle-income families. Upon successful completion of studies, the sponsored scholars are required to work in Penang in organizations of their choice.
Penang Future Foundation's Selection Committee is chaired by the Right Honourable Chief Minister of Penang, YAB Tuan Lim Guan Eng. Other members of the Selection Committee are –Y. Bhg. Dato' Seri Nazir Ariff, Y. Bhg. Dato' Daisy Ooi, Mr. Koon Yew Yin, Mr. P. Ramakrishnan, Ms. Loo Lee Lian, Emeritus Professor Dr. Lim Koon Ong, Dr. Lim Kim-Hwa and Mr. Danny Goon.
BENEFITS:
COMPREHENSIVE FINANCIAL ASSISTANCE
RECOGNITION AS OUTSTANDING SCHOLAR
UNLEASH CAREER POTENTIALS
PFF scholarship is open to all eligible Malaysian students. Priority will be given to Penangites or those who have studied in Penang and students who demonstrate excellent leadership, communication skills, teamwork and or other non-academic achievements.
PENANG FUTURE FOUNDATION SCHOLARSHIP
Funds full-time undergraduate studies at public and private universities (IPTA and IPTS) in Malaysia.
SPONSORED COURSES
MQA fully accredited courses in Science, Technology, Engineering, Mathematics, Accountancy AND Finance
ELIGIBILITY
• Minimum CGPA of 3.0 from STPM, Foundation, Diploma, Matriculation, UEC or latest university result
• Malaysian 25 years old or younger
• Household income not more than RM15,000 per month
FINANCIAL ASSISTANCE
• Tuition fee (maximum @ RM100,000)
• Subsistence allowance
Scholars will be required to serve a bond period in Penang upon graduation.
ACHIEVING DREAMS
BUILDING FOUNDATION
Further details:
www.penangfuturefoundation.my
Contact us:
info@penangfuturefoundation.my

# Abai kebersihan, kilang kicap diarah tutup 14 hari, kompaun RM100

Oleh : **S. HEMAWATHI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Sebuah kilang kicap diarah menghentikan operasi selama 14 hari (8 April hingga 22 April lalu) gara-gara kotor serta tidak menepati piawaian pengendalian sepatutnya di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong berkata, kilang tersebut turut dikenakan kompaun RM100, selepas operasi pemeriksaan bersepadu yang turut membabitkan pegawai dari Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Saya menerima aduan daripada penduduk di Jalan C.Y. Choy kerana tidak tahan dengan pelepasan asap tebal dari premis berkenaan.

"Malah, ada yang mengalami masalah pernafasan akibat pelepasan asap," katanya kepada pemberita selepas operasi di premis komersial itu di sini.

Tambah Ah Teong, kicap soya, cuka serta sos beraneka jenis yang dihasilkan di premis tersebut turut didapati tidak melepasi standard penggredan kebersihan yang ditetapkan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

"Kami (MBPP) akan buat lawatan susulan ke premis berkenaan selepas tempoh penutupan berkaitan bagi memastikan kebersihan produk pengeluaran serta keselamatan penduduk sekitar terjamin," ujarnya.

Tambah Ah Teong, kilang kicap yang berusia lebih 100 tahun itu turut didapati melepaskan asap tebal ke udara, tanpa struktur penapis asap.



**ONG Ah Teong (kiri sekali) dan pegawai-pegawai bertugas menjalankan pemeriksaan di kilang kicap di Jalan C.Y. Choy di sini baru-baru ini.**

## Pasar Percuma Butterworth pengisian rancak ekonomi penduduk setempat

**BUTTERWORTH** – Lemparkan senyuman paling manis dan minta elok-elok, itulah harga yang harus "dibayar" oleh orang ramai yang mengunjungi Pasar Percuma Butterworth di perkarangan Masjid Abdul Kadir, Jalan Telaga Air di sini.

Dianjurkan oleh Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Persatuan Kebajikan Skuad Senyum dan jawatankuasa kariah Masjid Abdul Kadir, Pasar Percuma Butterworth merupakan yang pertama diadakan seumpamanya.

Ia selaras dengan pengisian Pelan Butterworth Baru dalam merancakkan ekonomi penduduk setempat khasnya dan juga sebagai satu aktiviti kemasyarakatan.

Program berteraskan konsep kebajikan tersebut dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni dalam urusan 'jual-beli' yang secara tidak langsung menjadi mekanisma bagi memupuk nilai positif kalangan masyarakat.

Sebanyak 60 organisasi, syarikat tempatan dan individu mengambil bahagian menjayakan program ini.

Yang Dipertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Eksekutif ThinkCity, Hamdan Abdul Majeed antara yang hadir meluangkan masa 'membeli-belah' di Pasar Percuma Butterworth di sini.

Oleh: **ME**



# ADUN gesa Gamuda segera serah selenggera 11 ROB kepada MPSP

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADUN**

**JAWI** – Syarikat berkaitan Kerajaan Pusat (GLC), MMC-Gamuda (Gamuda) digesa segera menyerahkan 11 lagi baki *Road Over Bridge* (ROB) kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berkata, penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di semua ROB terbabit tidak dapat dilakukan selagi serahan tersebut tidak dilakukan.

Tegasnya, Gamuda didakwa tidak mengikut prosedur digariskan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan, seperti tidak pernah memohon Pelan Kebenaran Merancang serta tidak mengemukakan Pelan Pembangunan kepada Jabatan Kejuruteraan MPSP.

"Mesyuarat khas pernah diadakan di MPSP pada 29 September 2015 dan Gamuda berjanji akan menyiapkan dan menyerahkan keseluruhan ROB pada 29 November 2015 tetapi, mereka gagal menunaikan janji.

"Hanya lampu jalan di tujuh ROB diserah kepada MPSP pada 21 Januari 2016 sehingga kini.

"Saya harap penyerahan (11 ROB) dapat dilakukan dengan segera supaya pihak yang berkaitan seperti MPSP dan JKR (Jabatan Kerja Raya) dapat menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih mudah," ujarnya kepada pemberita ketika melawat tapak pemajuan terbabit di sini baru-baru ini.

Turut serta, dua Ahli Majlis MPSP, H'ng Mooi Lye dan Heng Yeh Shiuan.

Sebelum itu, Yeh Shiuan memberitahu, semua 18 ROB yang dibina oleh Gamuda meliputi ketiga-tiga daerah, iaitu empat buah di Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) (9) dan Seberang Perai Selatan (SPS) (5).

"Sehingga kini, cuma empat ROB di SPU dan tiga di SPT telah diserahkan kepada MPSP pada 21 Januari 2016.

"Saya berharap pihak Gamuda dapat menyelesaikan penyerahan baki ROB dengan secepat mungkin," seru beliau.



**SOON Lip Chee (kanan sekali), Heng Yeh Shiuan (dua dari kiri) dan H'ng Mooi Lye (dua dari kanan) di salah satu ROB kawasan lampu isyarat dekat Changkat yang belum diserahkan hak milik kepada MPSP di sini baru-baru ini.**

## Daftar pengundi melalui 'Jelajah Jawi'



**SEBAHAGIAN penduduk Jawi yang sempat hadir bagi mendaftar sebagai penerima insentif Kerajaan Negeri di bawah kendalian Pusat Khidmat ADUN Jawi dan pihak JKKK di sini baru-baru ini.**

**JAWI** – Program 'Jelajah Jawi' yang dianjurkan saban minggu oleh Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee di sini berusaha mendaftar seramai mungkin pengundi baharu dan muda, sebagai persiapan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Justeru, Lip Chee berharap projek demokrasi itu terus mendapat partisipasi langsung dari pertubuhan-pertubuhan komuniti setempat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) tersebut.

"Pendaftaran sebagai pemilih ini sangat penting dalam menjalankan tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia.

"Ianya juga penentu masa depan, hala tuju serta pembangunan negara bagi penggal seterusnya," katanya kepada pemberita baru-baru ini, sambil berharap supaya pengundi berdaftar berwajib berani melakukan perubahan sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak kini.

Menurutnya, pegawai serta wakil Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sendiri yang akan melakukan proses daftar pemilih tersebut.

Selain itu, Lip Chee memberitahu, mereka yang menyertai program 'Jelajah Jawi' tersebut turut berpeluang untuk saling berinteraksi dengan wakil SPR mengenai amalan pilihanraya yang dilaksanakan di negara ini.

Pegawai Seranta ADUN Jawi, Abdul Halim Yunus yang dihubungi kemudian memberitahu, seramai 238 pengundi muda berjaya didaftar sejak program 'Jelajah Jawi' dianjurkan pada bulan lalu.

Dalam perkembangan lain, Lip Chee turut menggesa komuniti setempat yang layak supaya mendaftar pelbagai 'Program Emas' yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2009.

Mereka yang dimaksudkan, katanya, adalah bayi baru lahir, murid Tahun Satu dan Empat serta Tingkatan Satu dan Empat, orang kurang upaya (OKU), siswa daftar Universiti Awam terpilih, warga emas, ibu tunggal, suri rumah sepenuh masa dan sebagainya.

"Bagi memudahkan orang ramai mendaftar, Pusat Khidmat saya sendiri bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Nibong Tebal, JKKK Byram, JKKK Air Lintas, JKKK Teluk Ipil dan JKKK Changkat memulakan jelajah di DUN Jawi sepanjang bulan April lalu.

"Saya rasa ini merupakan cara yang terbaik untuk memberi penerangan kepada orang ramai," ujarnya.



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) menyerahkan topi keledar kepada salah seorang kanak-kanak bersempena Kempen Jom Pakai Helmet di sini baru-baru ini.**

## Keselamatan tunggang & bonceng motosikal perlu dipupuk sejak usia muda - ADUN

**TANJUNG BUNGA** – Lapan sekolah rendah dan menengah di sini terpilih untuk menyertai Kempen Jom Pakai Helmet anjuran Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sri Tanjung Pinang baru-baru ini.

ADUNnya, Teh Yee Cheu berkata, kesedaran mengenai kepentingan keselamatan di jalan raya terutama semasa menunggang dan membonceng motosikal perlu dipupuk sejak usia muda.

"Penunggang dan pembonceng motosikal perlu mengambil berat aspek keselamatan dengan mengutamakan pemakaian helmet atau topi keledar yang selamat serta diperakukan oleh SIRIM (Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia)," ujarnya ketika berucap pada perasmian kempen tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Pulau Pinang, Abdullah Ahmad.

Mengulas lanjut, Yee Cheu memberitahu bahawa statistik dikeluarkan Cawangan Perangkaan Trafik Bukit Aman bagi tempoh 2005 hingga 2015 menunjukkan penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan jumlah kematian paling tinggi iaitu 43,557 atau 59 peratus daripada jumlah keseluruhan 66,286 yang terkorban akibat kemalangan jalan raya.

Sejumlah 250 buah topi keledar diedarkan pada kempen berkaitan.

# PPK seru umum bersama bantu 4 beradik kehilangan ayah, ibu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**BAYAN LEPAS** – Kisah empat kanak-kanak yang menjadi yatim piatu dalam sekelip mata setelah ibu mereka, Shahrul Faiza Mukhtar, 30, meninggal dunia akibat kanser payudara memperoleh perhatian Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz di sini baru-baru ini.

Allahyarhamah Shahrul Faiza pergi mengadap Ilahi setelah menderita kanser payudara tahap empat pada 5 April lalu.

Sebelum itu, tahun lalu, keluarga tersebut dikejutkan dengan berita sedih apabila ayah tercinta, Allahyarham Mohd. Idham Mohd. Idris, 38, maut dalam kemalangan di Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU).

Azrul Mahathir ketika ditemui berkata, keempat-empat kanak-kanak terbabit, Siti Nur Nadhirah Mohd. Idham, 12, Muhammad Khairul Ikhwan Mohd. Idham, 10, Muhammad Fitri Ramadhan Mohd. Idham, 2, dan Siti Nuramni Hawani Mohd. Idham, 3, kini dijaga ibu saudara mereka, Nur Emi Mashitah Mukhtar, 36.

"Selain menerima sumbangan wang tunai, keluarga tersebut turut menerima bantuan persekolahan daripada beberapa pihak yang turut prihatin dengan keadaan keluarga tersebut.

"Dalam pada itu, orang ramai juga boleh membantu dengan menyalurkan lain-lain bantuan bagi meringankan bebanan mereka," katanya pada majlis sumbangan khas di sini baru-baru ini.

Turut dianjurkan adalah program gotong-royong hasil kerjasama bersama-sama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bayan Lepas.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor, Saiful Azwan, Goh Choon Keong dan Mhd. Nasir Yahya, serta wakil-wakil pempamer korporat dan penduduk setempat.

Dalam pada itu, Buletin Mutiara sempat menemubual Nur Emi Mashitah yang mempunyai dua orang cahaya mata dan bekerja sebagai penyelia di salah sebuah kilang di sini.

"Terima kasih sangat kepada yang sudi menyampaikan bantuan, dan alhamdulillah, (semuanya) rezeki budak-budak ini untuk meneruskan kehidupan.

"Tanggungjawab untuk menjaga mereka adalah hasil persetujuan adik-beradik yang lain termasuk saudara mara, nenek dan datuk di Sungai Petani, Kedah.

"Tapi buat masa ini, memang saya yang jaga sebab datuk dan nenek pun dah tua, mesti tak daya nak jaga kesemua mereka," katanya yang tidak sanggup memisahkan empat adik-beradik itu.

Orang ramai yang berhasrat menyampaikan sumbangan boleh menghubungi Nur Emi Mashitah di talian **013 - 490 2998** atau salurkan terus ke akaun Maybank, **1571 3976 9225.**

Pada majlis sama, Zakat Pulau Pinang (ZPP) turut menyampaikan sebuah kerusi roda kepada seorang kanak-kanak kurang upaya (OKU), Muhammad Ridwan Hakimi Hasnizan, 11.



**AZRUL Mahathir Aziz (tiga dari kiri) mendukung Muhammad Fitri Ramadhan Mohd. Idham, sambil diperhatikan Nur Emi Mashitah Mukhtar (empat dari kanan) dan adik-beradik lain pada majlis penyampaian sumbangan khas kepada keluarga berkaitan di Bayan Lepas baru-baru ini.**

## Pelajar cemerlang PT3 & SPM DUN Seberang Jaya dirai



**PARA pelajar cemerlang SPM dan PT3 masing-masing menunjukkan sijil penghargaan diterima pada Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang PT3 & SPM 2015 DUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA** – Seramai 36 pelajar sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya diraikan dalam Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang PT3 & SPM 2015 di sini baru-baru ini.

Mereka merupakan pelajar cemerlang terpilih yang bersekolah dan menetap dalam DUN Seberang Jaya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, majlis keraian tersebut adalah sebagai penghargaan kepada para pelajar yang bertungkus lumus mengulangkaji serta mendapat keputusan cemerlang di sekolah masing-masing.

*"Sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang sentiasa menfokus untuk melahirkan sumber manusia yang berkualiti, penghargaan seumpama ini diharap menjadi pencetus untuk seseorang pelajar terus mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam peperiksaan, malah kehidupan,"* katanya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Afif turut menyuarakan hasrat Kerajaan Negeri yang sentiasa berharap agar para pelajar cemerlang untuk kembali berkhidmat di Pulau Pinang.

"Memandangkan negeri ini hanya bergantung kepada sumber manusia dan bukannya sumber alam, suka saya ingatkan agar para pelajar semua dapat kembali berkhidmat di negeri ini setelah tamat pengajian kelak," ujar beliau.

Selain menerima sijil penghargaan, semua pelajar yang diraikan turut menerima insentif wang tunai sebagai persiapan melanjutkan pelajaran masing-masing.

Daripada 37 pelajar, 10 penerima merupakan pelajar cemerlang Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan 26 pelajar lain adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Turut diraikan, Nadia Mansor dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Permatang Rawa yang mewakili negara ke Paris, Perancis dalam bidang seni sulaman kategori khas orang kurang upaya (OKU) baru-baru ini.





**Tabung Usahawan Tani Muda merupakan program skim mikro kredit oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menawarkan pinjaman tanpa faedah berjumlah RM5,000 bagi membantu usahawan-usahawan tani di negeri ini memperkembangkan perusahaan masing-masing.**

**Antara penerima skim Tabung Usahawan Tani Muda yang berjaya dan cemerlang ialah Muhammad Hashim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT); Mohd. Salmee Ismail (penanaman sayur-sayuran, Daerah SPT)**

**Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0**

# DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA




Sila isi butiran berikut:

Nama : ..............................................

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ..............................................

Alamat: ..............................................

..............................................

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..............................................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ..............................................

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 April 2016** hingga **14 Jun 2016.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 3.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM300**
**Kedua: RM200**
**Ketiga: RM100**
**20 Hadiah Saguhati**

Anjuran bersama:

PENANG GREEN COUNCIL

# SEGREGATE YOUR WASTE

**Implementation of Waste Segregation At Source Policy begins 1st June, 2016**

## SEPARATING WASTE INTO AT LEAST TWO STREAMS:



### 1. RECYCLABLES



**PAPERS**

Example : Newspapers / Boxes / Magazines / Cardboards / Books



**PLASTIC**

Example : Plastic Bottles / Plastic Containers / Plastic Bags / Plastic Food Containers / Plastic Buckets



**GLASS**

Example : Ketchup Bottles / Drinking Bottles



**CAN/METAL**

Example : Aluminium Cans / Food Cans / Iron / Metal

### 2. GENERAL WASTE






**LEFTOVERS**

Example : Fruit Peels / Vegetables / Eggshells / Rice



**DIRTY WASTE**

Example : Disposable Diapers / Dirty Tissues / Dirty Materials / Contaminated Papers or Boxes

### TIPS

- Please tie up your old newspapers into tidy and organised bundles
- Rinse and dry your beverage containers, plastic containers, glass containers, or aluminium cans that contain waste
- The packaging for food and beverages with the ♲ logo is recyclable
- You may also dispose your malfunctioned electrical appliances to recycling centres which collect electronic waste

HOTLINE:
MBPP : 04-263 7637
MPSP : 04-549 7555
Penang Green Council : 04-250 3322

PENANG GREEN COUNCIL

cleaner greener penang

*For more info, log on to: www.pgc.com.my/waste-segregation-at-source-campaign-and-policy*